

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : Lisan  
**DARIPADA** : Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah  
[ Kuala Terengganu ]  
**TARIKH** : 30 Oktober 2014  
**SOALAN** : Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah minta  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**  
**ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-  
langkah diambil bagi mengawal pergerakan  
nelayan warga-warga asing yang  
menggunakan kemudahan pelabuhan  
Chendering di Kuala Terengganu supaya  
aktiviti-aktiviti mereka tidak menimbulkan  
masalah kepada orang ramai dan rakyat  
tempatan Malaysia.

**JAWAPAN** :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah menetapkan dasar bahawa penggunaan 100% kru warga asing hanya dibenarkan ke atas vesel penangkapan ikan yang beroperasi di Zon C, C2 dan C3 sahaja. Pergerakan kru asing ini hanya terhad di dalam vesel-vesel penangkapan ikan dan pangkalan/

pelabuhan perikanan (*port limit*) sahaja. Pergerakan keluar masuk dari pelabuhan adalah di luar bidang kuasa Jabatan Perikanan Malaysia kerana ia di luar kuasa peruntukan Akta Perikanan 1985 (AP85). Sehubungan itu, sekiranya nelayan asing tersebut didapati berada di luar kawasan, mereka telah melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia di bawah seksyen 8(b) iaitu:

Mana-mana orang yang mengusahakan apa-apa aktiviti penangkapan ikan, mengendali, atau membenarkan dikendalikan, di perairan perikanan Malaysia apa-apa vesel penangkapan ikan tempatan bagi maksud menangkap ikan-

(b) dengan melanggar apa-apa syarat dalam lesen yang dikeluarkan berkenaan dengan vesel itu; adalah bersalah melakukan suatu kesalahan.

Sekiranya disabitkan kesalahan, boleh dikenakan tindakan menurut Seksyen 25(a) iaitu :

Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan jika tiada penalti khas diperuntukkan berhubungan dengannya, orang itu boleh:-

(a) jika vesel yang berkenaan itu ialah vesel penangkapan ikan asing atau orang yang berkenaan itu ialah rakyat negara asing, dikenakan denda tidak melebihi sejuta ringgit (RM1.0 juta) setiap orang dalam hal empunya atau nakhoda, dan

seratus ribu ringgit (RM100 ribu) dalam hal tiap-tiap anggota kru;

Antara langkah yang sedang diambil oleh Jabatan Perikanan Malaysia bagi mengawal pergerakan nelayan asing yang menggunakan kemudahan Pelabuhan Chendering di Kuala Terengganu adalah seperti berikut:

- i. menetapkan bilangan nelayan asing yang bekerja di atas vesel. Kadar penggunaan nelayan asing bagi vesel Zon C, C2 dan C3 ialah 100% dari jumlah keseluruhan kru di atas vesel;
- ii. Dalam proses memperkenalkan kad nelayan asing bagi pengenalan diri dan majikan yang bertanggungjawab ke atas mereka. Secara dasarnya, pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah bersetuju untuk pelaksanaan kad nelayan asing tersebut.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) juga sentiasa mengingatkan pemilik-pemilik vesel supaya mengawal kru-kru mereka agar tidak menimbulkan masalah kepada penduduk tempatan. LKIM turut bekerjasama dengan pihak berkuasa seperti Jabatan Imigresen dan lain-lain jabatan/ agensi penguatkuasa dalam mengawal pergerakan nelayan-nelayan warga asing. Langkah-langkah yang telah dan akan diambil ini juga bertujuan untuk mengemaskini rekod dan mengawal kemasukan nelayan asing ke dalam industri perikanan Malaysia. Hal ini bagi memastikan keselamatan negara lebih terjamin serta mengawal masalah sosial yang berlaku ekoran daripada lambakan pekerja asing di negara ini.

**SOALAN ( 21 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 30 OKTOBER 2014  
[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG  
[ TANJONG PIAI ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa ramai penyewa di PPR telah meninggal dunia namun kediaman tersebut masih dihuni oleh waris dan apakah tindakan Kementerian untuk menyelesaikan isu ini.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Perumahan Rakyat (PPR) (Disewa) yang telah siap akan diserahkan kepada SUK (Perumahan)/ Lembaga Perumahan/Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk proses pengisian, pengurusan dan penyelenggaraan. Adalah menjadi tanggungjawab SUK (Perumahan)/Lembaga Perumahan/PBT untuk melaksanakan pengauditan dan penguatkuasaan kepada mana-mana penghuni yang melanggar syarat sewaan. Bagi penghuni yang telah meninggal dunia, SUK (Perumahan)/Lembaga Perumahan/PBT boleh menggunakan budi bicaranya untuk memindahkan hak sewaan kepada waris terdekat yang layak.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2014